



Peniaga mikro dan tidak rasmi perlu divaksin awal

[Sri Ayu Kartika Amri](#)

kartika@hmetro.com.my



FOTO HIASAN.

Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Medac), kini sedang berbincang dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk memasukkan pengusaha mikro dan pengusaha perniagaan tidak rasmi dalam senarai keutamaan untuk program vaksinasi.

Menterinya, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, sebilangan besar pengusaha perniagaan ini berada di sektor perkhidmatan yang secara langsung berurusan dengan orang ramai dan mereka juga harus diakui sebagai syarikat peneraju.


Katanya, bagi memastikan program imunisasi nasional benar-benar berkesan, MKN juga harus mengakui sektor selain kesihatan, keselamatan dan pertahanan dengan tahap pendedahan yang sama terhadap penyebaran Covid-19.

"Ini termasuk juga barisan hadapan yang bekerja di sektor ekonomi, seperti mereka yang bekerja di kaunter di bank, kakitangan perkhidmatan pelanggan dan juga peniaga kecil yang menjual makanan dan minuman kepada orang ramai.

Trending



[Penangan kluster tempat kerja](#)



[Bintang TikTok dijel 10 tahun](#)



[Bahana bela anak lotong](#)



['Suami saya sudah berubah...'](#)



['Besi bodoh' disadur emas](#)

"Ketika saya dilantik sebagai menteri Medac, keutamaan saya adalah melihat keperluan perniagaan mikro dan tidak rasmi kerana masalah dan rungutan mereka jarang didengar, namun mereka merangkumi sebahagian besar sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Kumpulan ini adalah golongan yang berurusan dengan masyarakat, yang membuat mereka sangat terdedah kepada penyebaran virus.

"Mereka juga harus diberi keutamaan untuk mendapatkan vaksinasi. Kami berharap MKN dapat membantu kami dalam perkara ini," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurutnya, beliau dan Setiausaha Agung Medac, Datuk Suriani Ahmad sudah menulis surat kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) untuk mengatur vaksinasi pengusaha mikro dan perniagaan tidak rasmi.

Beliau berkata, pengurusan atasan Medac akan membincangkan perkara ini dengan wakil daripada Pasukan Petugas Imunisasi Covid-19 (CITF) pada Jumaat ini mengenai bagaimana untuk membantu kumpulan ini mendapatkan vaksin.

Kini terdapat hampir dua juta perniagaan mikro dan tidak formal di seluruh negara, yang menyediakan pekerjaan kepada lebih tujuh juta orang.

Lebih 78 peratus sektor PKS negara terdiri daripada perniagaan mikro.

Disiarkan pada: Jun 24, 2021 @ 4:34pm

Artikel Berkaitan



BISNES
Kekangan aliran tunai



BISNES
Biz Hall 2020 bantu usahawan PKS dan mikro



Mutakhir



11 termasuk lima wanita ditahan berparti dadah



Yakin 80% dapat divaksin



Kantoi rentas negeri beli bekalan dadah



Rumah sewa dijadikan 'port' berjudi



Econsave terus berbakti



Lari tinggalkan kereta dipenuhi gula, minyak masak

BISNES

Perkasa PKS melalui e-dagang


PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA

Usahawan wanita terbela

MyResipi

Disyorkan untuk anda

Iklan oleh



Start investing too and you could have a...
Smart Investment




Mala! 7 gre...
Australia.com

Learn More



Retirement Villages Near Petaling Jaya...
Senior Living | Spons...



Cristiano Ronaldo Sells Manchester...
Mansion Global



Dental Implants in Malaysia in 2021 Might Be...
Dental Implants | Sear...



Jika sendi and...
asiastory.news

Shop Now



Mendapatkan pinjaman mungkin lebih...
Pinjaman | Senarai Ta...



9/10 People Fail This Movie Quiz, Can You Pass?
TooCool2BeTrue



Tips Masak Beras Basmathi Supaya Lembut & Tidak Melekat, Baru Lah Sedap Nak Makan!



Jom Cuba Resepi Korean Cream Cheese Garlic Bread, Hanya Guna Roti Burger Je!



Petua Ikan Bilis Goreng Supaya Kekal Rangup, Boleh Simpan Stok Di Rumah



Resepi Roti Paratha Sosej Cheese Gulung Guna Air Fryer, Semudah ABC!



Musim Durian Datang Lagi, Jom Cuba Petua Hilangkan Bau Durian & Kurangkan Panas Badan!



© 2021 Harian Metro, New Straits Times Press (M) Bhd.
A part of Media Prima Group.

Hubungi Kami
Team myMetro
RSS Feed
Disclaimer
Notis Perlindungan
Data Peribadi

Utama
Mutakhir
Global
Arena
Rap/Rapxtra
Bisnes
MetroTV

Akademia
#ITMetro
Ku Bela
Santai
P&P
Dekotaman
WM

Addin
Rencana
Sihat
Xpresi
Vroom
Galeri
Infografik